

Headline	Kolagen halal ikan tilapia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	12	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	279 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,292
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,876



Kolagen halal ikan tilapia

Kajian penyelidik UPM bangun teknologi untuk kosmetik

Oleh Nor Fariza Ramlan
norfariza@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Hasil kajian hampir 12 tahun dijalankan sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) membuahkan hasil apabila negara kini mempunyai kilang pengekstrak kolagen halal daripada kulit ikan tilapia, pertama di rantau ini.

Kolagen adalah sejenis protein untuk memelihara keremajaan serta keanjalan kulit malah rata-rata kolagen di pasaran sekarang ini dihasilkan dari khinzir atau lembu dengan status halal yang boleh diragui.

Pengarah projek kajian berkenaan, Prof Dr Jamilah Bakar, berkata pasukannya menjalankan bagi membangunkan sendiri teknologi pengekstrak kolagen akuatik dari kulit ikan tilapia itu.

"Kami adalah yang pertama di negara dan rantau ini berjaya menghasilkan kolagen akuatik kerana semua produk yang menggunakan kolagen kini adalah diimport dari negara seperti China dan Korea Selatan.

"Hasil penemuan ini diharap

memberi satu perspektif baru kepada penggunaan kolagen halal dalam semua produk kosmetik atau makanan tambahan disamping menyokong industri halal negara," katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara UPM dan Bionic Lifesciences bagi memasarkan kolagen secara komersial.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Kajian dan Inovasi) UPM, Prof Dr Mohd Salleh Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif Biotech Corp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

Ketua Pegawai Eksekutif Bionic Lifesciences, Mohd Saleh Yahaya, berkata kerjasama dengan UPM kali ini membuktikan bahawa kajian serta produk inovasi dari pusat pengajian tinggi mempunyai potensi dan nilai komersial yang tinggi.

"Banyak idea menarik boleh didapati dari kajian universiti dan salah satunya adalah serbuk kolagen ini yang akan dimasukkan ke dalam produk minuman sarang burung walet untuk dipasarkan.

"Kami juga sedang melihat potensi untuk memperluaskan produk menggunakan kolagen halal ini hingga ke rangkaian kosmetik dan dipasarkan ke luar negara," katanya.

● NIK HARIFF HASSAN | BERITA HARIAN



PELAJAR UPM menunjukkan kolagen kulit ikan tilapia di Kuala Lumpur, semalam.